

Tan Sri Nallini Pathmanathan Dilantik sebagai Pengerusi Majlis Media Malaysia



Petaling Jaya, 15 Jun 2026 — Majlis Media Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan **Tan Sri Nallini Pathmanathan** sebagai Pengerusi Majlis Media Malaysia.

Pelantikan Tan Sri Nallini telah dipersetujui sebulat suara oleh **Ahli-Ahli Lembaga Majlis Media Malaysia** dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan pada **26 Mei 2026**.

Majlis menyambut baik pelantikan ini sebagai satu pencapaian penting dalam memperkukuh peranannya sebagai badan kawal selia sendiri yang bebas, berwibawa dan berteraskan kepentingan awam bagi industri media.

Tan Sri Nallini bersara daripada Mahkamah Persekutuan Malaysia pada Februari 2026 selepas berkhidmat selama lapan belas tahun yang cemerlang dalam badan kehakiman. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah berkhidmat di ketiga-tiga peringkat mahkamah atasan dan menulis kira-kira 325 penghakiman yang dilaporkan, termasuk keputusan-keputusan penting dalam bidang undang-undang perlembagaan dan komersial.

Sebagai wanita pertama berketurunan Asia Selatan yang dilantik ke badan kehakiman atasan Malaysia, beliau pernah beramal sebagai peguam di Tetuan Skrine selama lebih dua dekad

sebelum menyertai badan kehakiman. Kini, beliau berkhidmat sebagai penimbang tara dan pengantara.

Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Forum Hakim-Hakim Persatuan Peguam Antarabangsa (International Bar Association), ahli Kumpulan Pemandu Forum Antarabangsa Tetap Mahkamah Komersial (Standing International Forum of Commercial Courts), serta hakim di Mahkamah Antarabangsa Qatar dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Qatar.

Komitmen beliau sepanjang kerjaya terhadap kebebasan badan kehakiman, kedaulatan undang-undang dan akses kepada keadilan menjadikan beliau individu yang paling sesuai untuk memimpin Majlis ketika ia memulakan peranannya dalam memupuk media yang bebas, bertanggungjawab dan dikawal selia secara sendiri di Malaysia.

Majlis Media Malaysia ditubuhkan di bawah **Akta Majlis Media Malaysia 2025** sebagai sebuah badan kawal selia sendiri bagi industri media. Penubuhannya merupakan satu langkah penting dalam reformasi landskap media negara, khususnya dalam membangunkan mekanisme yang lebih bebas, telus dan bertanggungjawab untuk menangani isu etika, aduan awam dan standard kewartawanan.

Sebagai sebuah badan bebas, Majlis Media Malaysia dipertanggungjawabkan untuk memperkukuh standard kewartawanan, mengendalikan mekanisme aduan awam berkaitan media, mempromosikan amalan beretika serta mempertahankan kebebasan media sebagai asas penting kepada demokrasi.

Di bawah kepimpinan Tan Sri Nallini, Majlis Media Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh institusi, melaksanakan Kod Tatakelakuan, membangunkan sistem aduan yang adil dan diyakini, serta meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai peranan media dalam sebuah masyarakat demokratik.

Majlis juga akan memberi perhatian khusus kepada agenda reformasi undang-undang yang melibatkan media, wartawan dan hak orang awam untuk memperoleh maklumat yang tepat. Ini termasuk usaha menggalakkan persekitaran perundangan yang lebih jelas dan seimbang, selaras dengan prinsip kebebasan bersuara, hak terhadap maklumat, etika kewartawanan dan kepentingan awam.

Pelantikan ini dibuat pada waktu yang amat penting ketika industri media berdepan pelbagai cabaran besar, termasuk tekanan ekonomi, perubahan teknologi, kecerdasan buatan (AI), maklumat palsu dan mengelirukan, ancaman terhadap wartawan, serta keperluan untuk membina semula kepercayaan awam terhadap media.

Majlis Media Malaysia yakin bahawa kepimpinan Tan Sri Nallini akan membantu memacu Majlis ke arah fasa yang lebih matang, bebas dan berwibawa, berteraskan tiga asas utama: **standard, etika dan kebebasan**.

Majlis Media Malaysia merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong penubuhan Majlis ini sejak peringkat awal, termasuk organisasi media, persatuan wartawan,

Majlis Media Malaysia



Malaysian Media Council

pengamal media bebas, masyarakat sivil, ahli akademik dan Kerajaan, yang telah bersama-sama menyokong pembangunan kerangka kawal selia sendiri bagi media Malaysia.

Majlis Media Malaysia

15 Jun 2026